

Tahukah Anda...



sama ada deposit bank anda dilindungi oleh insurans deposit?



sama ada bank anda ialah bank ahli PIDM?



bank anda dikehendaki memberitahu anda sama ada deposit anda diinsuranskan oleh PIDM sebelum anda membuat simpanan deposit?

Dapatkan Maklumat Insurans Deposit Daripada Bank Anda Dan Ketahuilah Sama Ada Produk Deposit Anda Dilindungi Oleh PIDM.

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah agensi Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi mentadbir sistem insurans deposit nasional. Di bawah Peraturan Maklumat Insurans Deposit, bank-bank ahli kini dikehendaki menyediakan maklumat yang relevan dan terkini mengenai perlindungan insurans deposit kepada anda. Maklumat ini hendaklah meliputi had dan skop perlindungan yang disediakan oleh PIDM bagi membantu anda membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat.

Perlindungan insurans deposit termasuk:

- Perlindungan sehingga RM250,000 bagi setiap penyimpan di setiap bank ahli
- Semua akaun semasa, akaun simpanan dan deposit tetap dalam Ringgit Malaysia dan mata wang asing
- Deposit Islam dan konvensional
- Akaun amanah, akaun bersama serta akaun perniagaan milikan tunggal, praktik profesional dan syarikat menikmati had perlindungan insurans deposit yang berasingan daripada akaun individu

Insurans deposit disediakan secara automatik - anda tidak perlu memohon atau membayar untuk perlindungan ini. Perhatikan tanda keahlian PIDM untuk mengetahui sama ada bank anda ialah bank ahli PIDM.



Untuk maklumat lanjut,
hubungi kami di 1-800-88-1266 atau layari www.pidm.gov.my

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia